

MINIT MESYUARAT
JAWATAN KUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA BIL. 4/ 2023
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PERAK

Tarikh: 13 Oktober 2023 (Jumaat);
Masa: 9.00 pagi;
Tempat: Bilik Mesyuarat Dato' Maharajalela.

KEHADIRAN:

- | | | |
|-----|--|--|
| 1. | PKPjB Sayani binti Haji Saidon | Pengarah (Pengerusi) |
| 2. | PPjB Jamri bin Masran | Timbalan Pengarah |
| 3. | PgKB I Sabarodzi bin Hj. Nor Ahmad | Pen. Pengarah Bhg. Operasi |
| 4. | PgKB I Anom Faizura binti Mohd Hizam | Pen. Pengarah Bhg. Keselamatan Kebakaran |
| 5. | PgKB I Ramli bin Saari | Pen. Pengarah Bhg. Penyiasatan Kebakaran |
| 6. | PgKB II Mohd Firdaus bin Daud | Pen. Pengarah Bhg. Latihan |
| 7. | Pn. Sharina binti Mohd Shapiee | Pen. Pengarah Bhg. Pengurusan |
| 8. | En. Wan Mohd Asyraf bin Wan Mohd Azam | Pen. Pengarah Bhg. Kejuruteraan |
| 9. | PgKB I Nor Rasidamayati binti Abd. Rasid | Ketua Zon 1 |
| 10. | PgKB II Muhammad Shahrizal bin Aris | Ketua Zon 2 |
| 11. | PgKB II Shazlean bin Mohd Hanafiah | Ketua Zon 3 |
| 12. | PgKB II Khairil Adli bin Zakaria | Ketua Zon 4 |
| 13. | PBK I Mohd Asri bin Mohd Ariff | Wakil Kesatuan |
| 14. | PgKB II Mohd Esmadi bin Mohd Saufi | Wakil Persatuan Kebajikan |
| 15. | PBT Zulkifli bin Mohamad | Wakil Persatuan Kebajikan |
| 16. | PKPgB Roshida binti Ismail | Wakil Persatuan Kebajikan |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

-Tiada-

BIL	PERKARA
1	<u>UCAPAN ALUAN PENERUSI</u> Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam dan selamat sejahtera kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Mesyuarat dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah.
2	<u>MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT BIL.3/2023</u> Minit Mesyuarat dicadangkan untuk oleh PgKB II Khairil Adli bin Zakaria dan disokong oleh PgKB II Mohamad Shahrizal bin Aris.

ISU YANG DIBINCANGKAN**3.1 Taklimat Pemakaian baju Operasi *Personal Protective Equipment (PPE)* yang lengkap**

Arahan kepada semua anggota semasa menjalankan tugas operasi. Perlu memakai BA dan pakaian operasi lengkap bagi mengelak berlakunya perkara yang tidak diingini. Pemakaian alat pernafasan juga menjadi nadi dalam setiap operasi pemadaman mahupun penyelamatan dan kegagalan untuk mengikut arahan yang dikeluarkan boleh menyebabkan diambil tindakan. Tuan Pengerusi mengarahkan semua Balai memastikan PPE dalam keadaan baik. Laporan kerosakan perlu dikemukakan ke Bahagian Operasi.

Tindakan: Semua Pegawai

3.2 Taklimat dan status kecederaan akibat kemalangan semasa pergi dan pulang dari tempat kerja

Setiausaha melaporkan bagi tahun 2023, terdapat 1 kes anggota terlibat dalam kemalangan jalanraya semasa pulang daripada tempat kerja. Pengerusi mengesyorkan Pemakaian baju yang mempunyai *reflector* kepada pegawai-pegawai bomba adalah digalakkan dan memastikan semua anggota sentiasa berhati-hati semasa dalam perjalanan pulang dan hadir bekerja

Tindakan: Semua Pegawai

3.3 Taklimat persekitaran kerja yang selamat dan kondusif

Tuan pengerusi mengarahkan supaya tempat kerja khususnya di balai berada dalam keadaan yang selamat, kondusif dan kemas serta bebas daripada bahaya yang boleh menyebabkan kecederaan dan mengikut garis panduan EKSA.

Tindakan: Semua Pegawai

3.4 Melaksanakan pemeriksaan kesihatan sekurang-kurangnya setahun sekali

Tuan pengerusi mengarahkan kepada semua anggota khususnya yang berumur 40 tahun ke atas untuk membuat pemeriksaan kesihatan di klinik kerajaan yang berdekatan. Kesihatan pegawai perlu diberi perhatian khususnya semasa melaksanakan tugas-tugas pengoperasian dan penyelia perlu mengetahui keadaan kesihatan anggota supaya dapat melaksanakan tugas yang optimum semasa operasi. Justeru itu, semua anggota disarankan untuk membuat pemeriksaan kesihatan setahun sekali.

Tindakan: Semua Pegawai

3.5 Pengauditan OSHWA

Setiausaha memaklumkan status pelaksanaan pengauditan OSHWA akan diperluaskan sehingga ke peringkat Zon dan Balai bermula tahun ini dan sehingga kini semua balai telah membuat pendaftaran di dalam laman web MyKKP dan pemantauan berterusan akan dilakukan oleh pihak setiausaha supaya proses pengauditan tempat kerja oleh pihak DOSH dapat dilaksanakan pada tahun ini.

Tindakan: Semua Ketua Bahagian, Zon dan Balai

3.6 Taklimat dan Promosi Keselamatan Kesihatan Pekerja

Tuan pengerusi mengarahkan setiap penyelia pasukan supaya memberi taklimat keselamatan dan kesihatan pekerja kepada anggota setiap kali bermulanya shif di dalam panggilan baris.

Tuan pengerusi telah membuat promosi dengan membuat hebahan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerja yang mengandungi pelbagai maklumat kepada semua warga kerja Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perak di sudut JKKP dan Facebook.

Tindakan: Ketua Balai JBPM Perak

3.7 Pelaksanaan Fire Drill

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Fire Drill telah dilaksanakan pada bulan Oktober yang lalu dan hasil dapatan daripada sesi Debrief yang dibuat mendapati terdapat sedikit kelemahan yang berlaku seperti tempoh masa untuk pengungsian bangunan melebihi tempoh masa 10 minit. Pengerusi mengarahkan agar semua pegawai dan anggota mengambil serius terhadap pelaksanaan latihan Fire Drill yang dibuat di masa akan datang.

Tindakan: Bahagian, Zon dan Balai

3.8 Pengasingan Bahan Kimia berbahaya dan pelabelan

Pengerusi mengarahkan menyenaraikan bahan kimia yang terdapat di balai dan membuat pengasingan di tempat yang khas dan diwujudkan helaian Data Keselamatan SDS. Pengerusi turut mengarahkan membuat pelabelan bagi tanda amaran keselamatan di setiap sudut ruang kerja.

Tindakan: Bahagian dan Balai

3.9 Penilaian tempat kerja *Safety and security* dan pelaporan audit

Pengerusi mengarahkan wakil majikan untuk membuat audit bagi mengenal pasti perpasangan keselamatan kebakaran dan keselamatan dokumen serta pencerobohan.

Tindakan: Semua Pegawai

3.10 Pemantauan Berterusan

Pengerusi mengarahkan pemantauan berterusan perlu dibuat oleh semua Ketua Bahagian, Ketua Zon dan Ketua Balai berkaitan keselamatan pekerja di tempat masing-masing dan melaporkan sebarang kemalangan yang berlaku samaada melakukan tugas atau di luar waktu tugas melalui format JKKP 6.

Tindakan: Semua Ketua Bahagian, Zon dan Balai

Disediakan oleh,



(PgKB I Sabarodzi bin Hj. Nor Ahmad)

Penolong Pengarah

Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Negeri Perak

Disemak oleh,



(PPjB JAMRI BIN MASRAN)

Timbalan Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Negeri Perak